

**ADAT PERPATIH
STRUKTUR ORGANISASI, SISTEM SOSIAL DAN
PERLANTIKAN UNDANG**

NOR RAZIFAH HJ. ABD. WAHAB

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA MUDA UNDANG-UNDANG DENGAN KEPUJIAN**

**FAKULTI UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI**

PENGAKUAN

"Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan, hasil kerja-hasil kerja dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya".

9. APRIL 1994.

Tarikh



Nor Razifah Hj. Abd. Wahab

A. 1531990

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha penyayang lagi Maha mengasihani.

Pertama sekali penulis ingin memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana tanpa rahmatNya tidak mungkin kertas projek ini dapat dihasilkan pada masa yang ditetapkan.

Kesempatan ini ingin digunakan juga untuk merakamkan jutaan terima kasih buat Puan Che' Norlia Mustafa, pensyarah dan penyelia yang sentiasa sudi membantu dan sabar melayani kerenah penulis.

Kepada Amak dan Ayah yang amat disayangi, tiada suatu pun di dalam dunia ini yang dapat membalas segala pengorbanan dan segala kasih sayang yang telah dicurahkan. Semoga Allah jua yang dapat membalasnya.

Jutaan terima kasih juga ingin diucapkan kepada abang-abang yang sentiasa mendatangkan motivasi. Kepada Kak Pilah, Ucu, Acik dan Kak Mah, terima kasih kerana menjadi seorang kakak, kawan, teman ketawa, teman menangis dan segala-galanya bagi diri penulis.

Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu dalam menyiapkan kertas projek ini secara langsung dan secara tidak langsung.

Akhir sekali ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberi semangat dan tidak segan silu untuk memberi kritikan yang membina.

Semoga Allah akan melimpahkan rahmatNya ke atas kalian semua. Segala bantuan dan sokongan yang diberikan akan dikenang sehingga akhir hayat.

ABSTRAK

Adat Perpatih adalah salah satu undang-undang adat yang diamalkan di Malaysia dan salah satu ciri budaya Melayu yang unik di Negeri Sembilan. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisa prosedur perlantikan Undang mengikut prinsip-prinsip adat di setiap luak dan masalah yang dihadapi dalam melaksanakan kuasa budi bicara memilih Undang.

Latarbelakang sejarah kedatangan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan dan definisi adat berserta dengan kategorinya akan dijelaskan di dalam Bab Satu. Sistem Nasab Ibu yang merupakan ciri penting dalam Adat Perpatih juga akan diperkenalkan dalam bab yang sama. Bab Dua akan memperkenalkan empat luak yang menjadi skop kajian dan juga struktur politik yang diamalkan termasuk juga syarat-syarat kelayakan yang diperlukan pada seorang pemimpin mengikut Adat Perpatih.

Bab Tiga kertas projek ini akan menekankan pada prosedur perlantikan Undang yang berbeza mengikut luak masing-masing. Manakala Bab Empat akan menumpukan perbincangan kepada konflik perlantikan Undang yang timbul di Luak Sungai Ujong dan Luak Jelebu. Bab ini juga akan mengandungi alasan atau faktor penyebab krisis tersebut dan pandangan dan syor daripada penulis untuk menangani masalah yang akan datang kerana sesungguhnya mencegah adalah lebih baik daripada mengubati.

ABSTRACT

Adat Perpatih is one of the customary laws practiced in Malaysia and one of the unique features of Malay cultures in Negeri Sembilan. The purpose of this study is to analyse the election procedure of the Ruling Chief or Undang according to the principles of this custom in every 'luak' and the problem faced in exercising the discretion in selecting an Undang.

The historical background of the existence of Adat Perpatih in Negeri Sembilan and the definition of custom and its categories will be dealt in the First Chapter. The Matrilineal System which is a vital element in Adat Perpatih is also introduced in the same chapter. The Second Chapter will be dealing with the introduction to the four territories that are involved in this discussion and also the political structure practised there inclusive of all the pre-conditions and qualifications required of a leader in Adat Perpatih.

The Third Chapter of this project paper will give great emphasis on the procedure of the election of an Undang that varies according to territory. Whereas the Fourth Chapter which will concentrate solely on the conflict which arised in Luak Sungai Ujong and Luak Jelebu concerning the election of their respective Undang. This chapter also will consist of the reasons behind these crisis and the writer's views and suggestions of how to overcome future problems for prevention is better than cure.

SENARAI KES

Dato' Menteri Othman bin Baginda & Anor v. Dato' Ombi Syed Alwi b. Syed Idrus [1981]
MLJ 29.

SENARAI STATUT

Perlembagaan Negeri, Negeri Sembilan
Perlembagaan Persekutuan

SENARAI LAMPIRAN

- | | | |
|--------------|---|--|
| LAMPIRAN "A" | - | Peta Negeri Sembilan |
| | | a) Luak-luak Adat |
| | | b) Luak yang diketuai Undang |
| | | c) Luak yang diketuai Penghulu |
| LAMPIRAN "B" | - | Rajah Salasilah Undang Jelebu |
| LAMPIRAN "C" | - | Carta Garis Keturunan Mengikut Nasab Ibu |
| LAMPIRAN "D" | - | Kes : Dato' Menteri Othman bin Baginda & Anor v. Dato'
Ombi Syed Alwi b. Syed Idrus |

SENARAI SINGKATAN

Anor	-	Another
DBP	-	Dewan Bahasa dan Pustaka
FSKK	-	Fakulti Sains Kemanusiaan dan Kemasyarakatan
hlm.	-	Halaman
ibid	-	ibidem
JMBRAS	-	Journal Of The Malayan Branch Royal Asiatic Society
JSBRAS	-	Journal Of The Straits Branch Royal Asiatic Society
MLJ	-	Malayan Law Journal
Sdn. Bhd.	-	Sendirian Bhd
U.K.M	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
U.M	-	Universiti Malaya
U.P.M	-	Universiti Pertanian Malaysia
v.	-	Versus/Lawan

Pengakuan	iii
Penghargaan	iv
Abstrak	vi
Senarai Kes	vi
Senarai Statut	vi
Senarai Lampiran	vii
Senarai Singkatan	x
Pendahuluan	

BAB

1. PENGENALAN

1.1	Latarbelakang Sejarah Kemasukan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan	1
1.2	Definisi	3
1.3	Mengenali Adat Perpatih dan Struktur Organisasinya	4
1.3.1	Adat Perpatih Secara Am	4
1.3.2	Pertalian Adat Perpatih dan dan Konsep Keadilan dan Kepimpinan	7
1.3.3	Kategori Adat	9
1.3.4	Sistem Nasab Ibu Dalam Adat Perpatih	13

2. LUAK-LUAK BERUNDANG DI NEGERI SEMBILAN

2.1	Pengenalan Kepada Luak-Luak di Negeri Sembilan	18
2.2	Pengenalan Kepada Luak Sungai Ujong	19
2.3	Pengenalan Kepada Luak Jelevu	22
2.4	Pengenalan Kepada Luak Rembau	25
2.5	Pengenalan Kepada Luak Johol	27
2.6	Struktur Politik Adat Di Setiap Luak	29

2.6.1	Konsep Pemimpin dan Demokrasi Dalam Adat Perpatih	29
2.6.2	Syarat-syarat Pemimpin	34
2.6.3	Pantang-larang Seorang Pemimpin	36
2.6.4	Perlantikan dan Tugas-tugas Ketua Adat Di Bawah Undang	38

3. PERLANTIKAN UNDANG

3.1	Institusi Undang	45
3.2	Perlantikan Undang Luak Sungai Ujong	49
3.2.1	Pendahuluan	49
3.2.2	Waris di Sungai Ujong	51
3.2.3	Cara Perlantikan Undang Sungai Ujong	56
3.3	Perlantikan Undang Luak Rembau	60
3.4	Perlantikan Undang Luak Johol	65
3.5	Perlantikan Undang Luak Jelebu	68
3.6	Penutup	72

4. KRISIS PERLANTIKAN UNDANG

4.1	Krisis di Luak Sungai Ujong	73
4.2	Krisis Perlantikan Undang Luak Jelebu	79
4.3	Faktor Penyebab Krisis	83
4.3.1	Kuasa Lembaga Tiang Balai	83
4.3.2	Kefahaman Terhadap Adat	86
4.3.3	Sistem Giliran	87
4.4	Cadangan Penyelesaian Krisis	89
4.4.1	Peranan Dato' Lembaga	90
4.4.2	Kebulatan	92
4.4.3	Peranan Dewan Keadilan dan Undang	95
4.5	Penutup	98

PENDAHULUAN

"Adat Berakar ke bumi
 Berpucuk ke langit
 Adat bersendikan hukum
 Hukum bersendikan kitabullah
 Adat sudah bertentu
 Bilang telah teratur
 Alam dah beraja
 Luak telah berundang
 Matahari telah terbit
 Bulan telah mengambang
 Oleh itu janji jangan berubah
 Setia jangan beralih
 Hidup bak lopak, bak sawah
 Bak Uang Bak durian
 Mengaji pada Alif
 Berbilang pada satu"

Diatas adalah antara keratan kata-kata Dato' Andika Mendelika¹ Ketua Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong ketika pertabalan Dato' Kelana Mubarak Thahak, Undang Luak Sungai Ujong yang ke-10. Dari ungkapan di atas ternyata Adat Perpatih masih dianggap adat yang mulia dan unggul. Pengamal Adat Perpatih di Negeri Sembilan masih lagi bergantung kepada perbilangan adat yang unik lagi bermakna untuk mengekalkan hidup yang harmoni dan tetap bersatu walaupun di zaman yang serba moden ini.

Dalam kertas Projek ini, penulis akan menumpukan aspek kajian kepada amalan dan perjalanan Adat Perpatih di Negeri Sembilan khususnya kajian penulis akan tertumpu pada pentadbiran politik dan pemimpin-pemimpin adat.

¹ Dato' Hj. Abd. Malek b. Joned

Masyarakat Adat Perpatih adalah satu masyarakat yang amat menghormati dan memandangi tinggi kepada ketua atau pemimpin mereka. Oleh yang demikian, pemilihan pemimpin-pemimpin di dalam Adat Perpatih akan dipilih secara teliti dengan mengamalkan sistem demokrasi di mana suara yang terlantang adalah suara dari anak-anak buah yang dipimpin. Anak buah yang berhak melantik dan anak buah juga yang berhak untuk memecat pemimpin mengikut kata-kata adat:-

Bulat anak buah menjadikan Buapak
Bulat Buapak menjadikan Lembaga
Bulat Lembaga menjadikan Undang
Bulat Undang menjadikan Keadilan/Raja

'Kebulatan' atau 'kata sepakat' atau 'muafakat' adalah tunggak atau dasar bagi pemilihan pemimpin-pemimpin adat. Sekiranya tiada muafakat keadaan akan menjadi kucar-kacir dan pertelingkahan akan berlaku.

Tujuan penulisan ini adalah untuk mengkaji prosedur atau proses perlantikan Undang di Luak-luak Sungai Ujong, Jelevu, Johol dan Rembau. Seterusnya penulis akan menyingkap beberapa krisis yang berlaku yang berkisar tentang perlantikan Undang dan perebutan kuasa antara waris-warisan yang mengaku masing-masing lebih berhak untuk menyandang pesaka Undang.

Oleh itu, sebahagian besar metodologi kajian penulis adalah berdasarkan kajian yang terperinci terhadap journal, artikel buku-buku teks dan keratan akhbar yang membicarakan tentang Adat Perpatih. Secara ringkas, penulis akan banyak merujuk kepada bahan penulisan di perpustakaan. Penulis juga akan melakukan beberapa temubual dengan pakar adat yang berpengalaman tentang perjalanan Adat Perpatih di Negeri Sembilan.

Kertas Projek ini akan menyarankan bahawa Adat Perpatih hendaklah dikaji secara mendalam dan bukan sekadar mengetahuinya di atas permukaan sahaja. Ini adalah supaya tidak berlaku apa-apa pertelingkahan yang tidak diingini dan supaya terdapat ramai lagi yang arif dalam pentadbiran adat dan bukannya bergantung kepada generasi tua atau generasi yang terdahulu. Tidak semua masalah tidak boleh diselesaikan kerana 'tiada keruh yang tidak jernih, tiada kusut yang tidak selesai'.

Sememangnya untuk menyelesaikan pertelingkahan adat bukanlah perkara yang mudah kerana penyelesaiannya mestilah memuaskan hati kedua-dua pihak yang bertelingkah, diibaratkan seumpama :-

Menarik rambut dalam tepung

Rambut jangan putus

Tepung jangan berserak

Kalau mengikut maksud perpatah ini, dalam menyelesaikan satu-satu masalah menurut adat dan budaya janganlah sampai 'berpatah arang berkerat rotan' dan penyelesaiannya mestilah yang terbaik untuk semua pihak.

Melalui Bab Satu, penulis menyentuh latarbelakang sejarah kedatangan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan, definisi umum Adat Perpatih dan konsep garis keturunan nasab ibu dan kepentingannya dalam masyarakat Adat Perpatih. Seterusnya dalam Bab ini juga penulis menjelaskan kategori-kategori adat dan bagaimana ia diaplikasikan.

Bab Dua pula lebih menumpukan kepada pengenalan dan sejarah empat buah Luak (i.e. Luak Sungai Ujong, Jelebu, Johol dan Rembau) yang menjadi skop kajian penulis. Seterusnya Bab ini membincangkan struktur politik Adat Perpatih yang diamalkan secara am di setiap luak. Dalam membincangkan tentang perkembangan politik adat, penulis menyentuh konsep demokrasi, syarat-syarat, pantang-larang dan perlantikan pemimpin-pemimpin adat.

Selain daripada itu, Bab Tiga kertas projek ini memberi penekanan kepada institusi Undang yang unik yang hanya wujud di Negeri Sembilan. Prosedur perlantikan Undang adalah penekanan utama Bab ini di mana ia menyentuh suku atau waris yang layak untuk menyandang pusaka Undang di tiap-tiap empat luak yang berundang tersebut dan bagaimana proses pemilihan dijalankan dan siapa bertanggungjawab atau yang berkuasa untuk menjalankan perlantikan.

Melalui kajian di dalam Bab Tiga jelas terdapat persamaan yang ketara dan juga sedikit perbezaan dalam proses perlantikan Undang di Luak-luak yang berbeza.

Di bawah bab terakhir iaitu Bab Empat, penulisan berkisar tentang krisis yang berlaku mengenai perlantikan Undang di Luak Sungai Ujong dan Luak Jelevu. Krisis berlaku tertumpu kepada perebutan kuasa dan ketidaksepakatan yang berlaku di kalangan Dato'-dato' lembaga sesama sendiri. Di dalam bab ini juga penulis akan menyentuh faktor penyebab konflik ini terjadi dan cadangan-cadangan dari penulis sendiri bagaimana hendak menangani masalah ini supaya tidak berulang kembali.

Sememangnya, setiap masalah sekiranya tidak diselesaikan segera, ia akan berpanjangan, daripada kudis akan menjadi pekung. Daripada pekung ia akan menular ke seluruh masyarakat yang masih memegang teguh dan masih sayang pada adat yang boleh menyatukan mereka. Oleh yang demikian pentadbiran adat hendaklah dibuat mengikut peraturan adat yang telah ditetapkan. Adat Perpatih harus dipertahankan dan bukannya dijadikan batu loncatan untuk mencapai kepentingan dan kepuasan nafsu sendiri. Sesungguhnya benar kata adat :-

Tiada keruh yang tidak jernih
 Tiada kusut yang tidak selesai
 Sesat di hujung jalan
 Balik ke pangkal jalan
 Bulat air kerana pembetong
 Bulat manusia kerana muafakat

TANAH ADAT DI NEGERI SEMBILAN: SATU
KAITAN SOSIO PERUNDANGAN

CHE WAN ROHAYA BT. RAMLY

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARI SYARAT
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
MUDA UNDANG-UNDANG
DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI, SELANGOR

1995

PENGAKUAN

"Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya".

15. 3. 95

Tarikh


.....
CHE WAN ROHAYA RAMLY

PENGHARGAAN

Di sini penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada penyelia penulis, En. Rohimi Shafie di atas bimbingan beliau sehingga Latihan Ilmiah ini dapat disempurnakan. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pegawai penyelesaian pesaka, Seremban, En. Sulaiman Kadimi di atas tunjuk ajar dan kerjasama beliau. Begitu juga En. Abu Bakar, pegawai penyelesaian pesaka, Kuala Pilah, En. Sallehudin Ishak, timbalan Pentadbir Tanah dan Galian, Kuala Pilah serta semua kakitangan pejabat tanah, Kuala Pilah.

Kepada kedua ibubapa penulis, jasa mereka yang tidak terhingga tetap penulis abadikan dan kenang. Kepada Angah, Along, Arul, Abang Aziz serta kak Mona, terima kasih atas sumbangan dan dorongan. Begitu juga kepada Muhamad Zuber Basir (Pak Su), terima kasih atas pertolongan yang diberikan.

Kepada Haizul, pertolongan dan dorongan tetap penulis kenang. Begitu juga kepada rakan-rakan, Apid, Mimi, Shida, Nik, Midot, Sita, Ila, Yati, Han dan lain-lain. Akhirnya penulis mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang memberi kerjasama dan perangsang untuk menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

ABSTRAK

Negeri Sembilan adalah unik dengan adat perpatihnya. Adat telah lama dipertahankan terutamanya mengenai tanah dan ianya telah dikanunkan bagi mengukuhkan kedudukannya. Namun dengan perubahan zaman yang serba moden, adat kian tercabar. Justeru itu penulis menghasilkan kajian ini bagi menjawab persoalan patutkah adat berkaitan tanah ini dipelihara atau dipertahankan atau haruskah ia berubah mengikut kesesuaian peredaran zaman. Kebangkitan Islam itu sendiri juga telah menyedarkan masyarakat adat bahawa undang-undang berkaitan dengan tanah itu perlu dianalisa dan dikaji semula.

ABSTRACT

The state of Negeri Sembilan is unique as it has the adat perpatih. Adat has been preserved for a long time especially in the matters of land and it has been provided for in enactment to strengthen its status. The adat has been challenged by the changes of modern times. In this research, the writer tried to answer the questions of whether the adat which relates to the matters of land should be preserved or whether it should be altered to suit with the changes of times. The reestablishment of Islam itself has made the people become conscious of the law which relates to the land should be analysed and revised.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI KES	ix
SENARAI STATUT	x
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii
Pengenalan	xiii
BAB I: SEJARAH DAN LATAR BELAKANG ADAT PERPATIH DAN UNDANG-UNDANG TANAH DI NEGERI SEMBILAN	1
1.1. Pendahuluan	1
1.2. Definisi Adat	2
1.2.1. Perbandingan Undang-Undang Adat Perpatih Dan Undang-Undang Adat Temenggung	4
1.3. Kedatangan Orang Minangkabau ke Negeri-Sembilan	9
1.4. Peranan Dato' Lembaga Dalam Usaha Mencapai Kebajikan Kolektif Berkaitan Dengan Harta	11
1.5. Harta Dalam Adat Perpatih	15
1.5.1. Cara Pembahagian Harta	18

	Halaman
1.6.	Kedatangan British ke Negeri Sembilan 19
1.7.	Pengenalan Perundangan Pemegangan Adat Dan Perkembangannya 20
1.8.	Kesan Perundangan Ke Atas Tanah Adat 24
BAB II:	PENTADBIRAN TANAH ADAT DI NEGERI SEMBILAN 26
2.1.	Pendahuluan 26
2.2.	Kedudukan Tanah Adat Di Negeri Sembilan 27
2.3.	Enakmen Pemegangan Adat Bab 215 30
	2.3.1. Permohonan Untuk Dicatitkan Perkataan Tanah Adat 31
2.4.	Perwarisan Dalam Adat Perpatih 34
	2.4.1. Perempuan Sebagai Pewaris Tanah Adat 36
	2.4.2. Tuntutan Untuk Didaftarkan Melalui Hak Perwarisan 38
2.5.	Pembahagian Dalam Tanah Adat 39
	2.5.1. Kedudukan Anak Angkat, Haknya Dalam Perwarisan 40
	2.5.2. Kedudukan Orang Lelaki Dalam Perwarisan Tanah Adat 42
2.6.	Enakmen Pemegangan Adat (Tanah Lengkong) 1960 43
	2.6.1. Perwarisan Dan Pembahagian Harta Pusaka Tanah Adat Lengkong 45
	2.6.2. Pembahagian Tanah Adat Lengkong 46
2.7.	Analisa Kes-Kes Perwarisan Tanah Adat 49

Halaman

2.8.	Perwarisan Ke Atas Tanah Bukan Pusaka Adat	55
2.9.	Enakmen Undang Rembau (Tanah) 1949	58
2.9.1.	Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955	59
BAB III:	URUSNIAGA DAN KEDUDUKAN TANAH ADAT DARI SEGI PEMBANGUNAN	60
3.1.	Urusniaga dari perspektif Adat	60
3.1.2.	Peraturan Adat Dalam Penjualan	62
3.2.	Urusniaga Di Bawah Kanun Tanah Negara 1965	64
3.3.	Urusniaga Di Bawah Enakmen Pemegangan Adat Bab 215	65
3.3.1.	Permohonan Untuk Pindahmilik	65
3.3.2.	Permohonan Untuk Memajak Atau Mencagar	68
3.4	Urusan-Urusan Lain Mengenai Tanah Adat	71
3.5	Kedudukan Tanah Adat Dari Segi Pembangunan	73
3.5.1.	Tanah Adat Terbiar	73
3.5.2.	Taburan Keluasan Tanah	74
3.6.	Masalah-Masalah Pembangunan Dalam Tanah Adat	78
3.7.	Strategi Ke Arah Pembangunan Tanah Adat	84
BAB IV:	MASALAH BERKAITAN TANAH ADAT DAN CADANGAN	90
4.1.	Pendahuluan	90

	Halaman
4.2. Masalah Pemakaian Adat	90
4.3. Masalah Dari Segi Pentadbiran Tanah Adat	92
4.3.1. Masalah Pegawai Penyelesai Pesaka	92
4.3.2. Masalah Dato' Lembaga	93
4.3.3. Masalah Waris Yang Terlibat	94
4.3.4. Masalah Pengurusan Pejabat	97
4.4. Masalah Pemilikan	98
4.5. Masalah Pembangunan	98
4.6. Cadangan-Cadangan	99
4.7. Pemakaian Undang-Undang Adat Perpatih Menurut Perspektif Islam	104
4.8. Penutup	111
BIBLIOGRAFI	116
LAMPIRAN	119

SENARAI KES

Sepiah lwn Tiamat
(1959) 8 MLJ 116

Si mati Nalipah Bte Anoh
PTKP CTE SEC 10 349/113/89/14

Si mati Tijah Bte Alam
PTKP CTE SEC 10 349/120/88/13

Si mati Sa'ami Bt. Sunggang
PTKP CTE SEC 10 349/186/88/09

Si mati Atik Binti Siamat atau Itek Bt. Signat
PTKP CTE SEC 10 349/68/88/15

Si mati Shaharir bin Shahor
PTS CTE SEC 10 349/47/93

SENARAI STATUT

Kanun Tanah Negera 1965

Akta Harta Pesaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Pindaan)

Enakmen Pemegangan Adat Bab 215

Enakmen Pemegangan Adat (Tanah Lenqkongon) 1960

Enakmen Undang Rembau (Tanah) 1949

Perlembagaan Persekutuan

Undang-Undang Tubuh Kerajaan
Negeri Sembilan, Jabatan Percetakan
Negara 1979

Sungai Ujong Land Regulations 1987

Succession Land Enactment 1897

Customary Tenure Enactment 1909

Customary Tenure Enactment 1926

Enakmen Pentadbrian Keluarga Islam
Negeri Sembilan

SENARAI JADUAL

1. Jadual 1 - Keluasan Tanah di Negeri Sembilan
2. Jadual 2 - Taburan Tanah Terbiar Mengikut Daerah di Negeri Sembilan
3. Jadual 3 - Taburan Keluasan Tanah Adat Mengikut Daerah Di Negeri Sembilan

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran A: Peta Kawasan Wilayah Adat Di Negeri Sembilan
- Lampiran B: Senarai Gelaran Dan Nama Penyandang Undang Luak, Penghulu Luak dan Dato! Lembaga Mengikut Wilayah Adat
- Lampiran C: Jadual B, Senarai Suku Di Dalam Enakmen Pemegangan Adat Bab 215
- Lampiran D: Jadual E, Notis Di Bawah Seksyen 10, Enakmen Pemegangan Adat Bab 215
- Lampiran E: Jadual F, Perintah Pentadbir Tanah Di Bawah Seksyen 10 Enakmen Pemegangan Adat Bab 215
- Lampiran F: Senarai Dokumen Yang Diperlukan Dan Borang Yang Perlu Diisi
- Lampiran G: Jadual A, Nama-Nama Suku Lengkongan Seksyen 2, Enakmen Pemegangan Adat (Tanah Lengkongan) 1960
- Lampiran H: Jadual, Daerah Rambau Enakmen Undang Rambau 1949.
- Lampiran I: Borang 14A, Pindahmilik Tanah, Bahagian Atau Pajakan
- Lampiran J: Boran Seksyen 6, Ordinan Stem 1942, Pemindahan Milik Tanah
- Lampiran K: Borang Perakuan Pentadbiran Tanah Daerah Di Bawah Seksyen 7(IV) (6) Enakmen Pemegangan Adat (Bab 215)
- Lampiran L: Borang 28A, Permohonan Untuk Hak Lalu Lalang Swasta

PENGENALAN

1. MUKADDIMAH

Masyarakat Negeri Sembilan tidak boleh dipisahkan dengan adat perpatih terutama dalam perkara perwarisan dan pembahagian harta. Adat perpatih tetap bertahan terutama mengenai 'Tanah Adat' dan kurang sekali dipengaruhi peraturan-peraturan lain.

Adat Perpatih yang pada asalnya dicipta di Minangkabau, kemudian dibawa ke Negeri Sembilan dan diubahsuai mengikut kesesuaian tempatan ternyata mengutamakan keturunaan dari nasib perempuan dalam hal perwarisan nampak begitu unik.

Justeru itu, topik ini dianggap masih perlu diketengahkan bagi memberi gambaran serta pengetahuan tentang sejarah seterusnya perkembangan undang-undang yang mentadbir tanah adat itu terutama dalam hal perwarisan, pembahagian harta, urusan niaga serta pembangunan dalam tanah adat tersebut.

Untuk menjawab persoalan dapatkah adat itu dipelihara penulis cuba membuat penelitian terhadap perundangan yang terpakai pada masa kini iaitu statut, adat dan juga perundangan Islam. Seterusnya

penulis cuba memberi gambaran kedudukan tanah adat itu dari segi ekonomi.

Untuk itu, penulis cuba mengupas sedikit sebanyak permasalahan yang berkaitan dengan Tanah Adat di Negeri Sembilan dari sudut perundangan sosial dan ekonomi. Seterusnya cadangan diberikan untuk mengatasi permasalahan tersebut.

2. LOKASI KAJIAN

Penulis membuat kajian di Negeri Sembilan memandangkan adat berkaitan dengan tanah masih dipraktikkan mengikut enakmen-enakmen tertentu. Di sini diterangkan dua jenis pentadbiran yang mengawal Negeri Sembilan.

Mengikut pentadbiran daerah, Negeri Sembilan mengandungi tujuh daerah iaitu Kuala Pilah, Jempol, Jelebu, Rembau, Seremban, Port Dickson, Tampin dan daerah kecil, Gemas.

Manakala dari segi pentadbiran adat pula ia mengandungi 13 Wilayah Adat atau Luak iaitu Luak Sungai Ujong, Luak Jelebu, Luak Rembau, Luak Johol, Wilayah Adat Tengku Besar Tampin, Luak Ulu Muar, Luak Jempol, Luak Terachi, Luak Gunung Pasing, Luak

Inas, Luak Geméncheh, Wilayah Adat Penghulu Pesaka Air Kuning dan Wilayah Adat Dato' Muda Linggi. Kedudukan wilayah-wilayah Adat tersebut ditunjukkan dalam Lampiran A.¹

Penulis mendapati adat masih dominan terutama dalam hal tanah di kawasan pentadbiran adat seperti yang dinyatakan di atas. Manakala mengikut pentadbiran daerah pula penulis mendapati Tanah Adat terdapat di daerah Kuala Pilah, Jempol, Jelebu, Rembau dan Tampin. Di daerah Port Dickson dan Seremban penulis mendapat tiada terdapat Tanah Adat.

3. TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk memberi gambaran umum tentang kedudukan Tanah Adat di Negeri Sembilan khasnya mengenai perwarisan, pembahagian harta, urusanniaga serta pembangunan dalam Tanah Adat. Antara objektif kajian ini ialah:-

- i. Mengkaji sejarah adat perpatih serta undang-undang tanah di Negeri Sembilan dan perkembangannya seterusnya kesan perundangan tersebut ke atas Tanah Adat.

1. Sila lihat lampiran A.

- ii. Melihat perundangan-perundangan yang digubal bagi pentadbiran Tanah Aat pada masa kini dalam hal perwarisan dan pembahagian harta.
- iii. Melihat bagaimana urusaniaga dalam Tanah Adat dijalankan pada masa kini.
- iv. Mengkaji sejauh manakah Tanah Adat itu dibangunkan dari segi ekonomi.
- v. Mengupas dan mengketengahkan permasalahan-permasalahan yang timbul berkaitan dengan Tanah Adat dari segi sosial dan perundangan serta ekonomi.
- vi. Menyarankan cadangan yang dianggap praktikal bagi mengatasi dan memperbaiki permasalahan-permasalah berkaitan.

4. METHODOLOGI

Bagi menyiapkan dan memperlengkapkan kajian ini, beberapa method yang sesuai telah dipilih untuk menimba pelbagai maklumat berkaitan dengan tajuk ini iaitu:-

1. Penyelidikan Di Perpustakaan

Cara ini merupakan kajian yang menyeluruh di dalam kajian ini. Bahan-bahan terbitan bercetak

seperti buku-buku teks, artikel, jurnal, laporan-laporan kerajaan dan laporan-laporan undang-undang yang berkaitan akan diteliti dan dianalisa.

2. Kajian Luar

Melihat fail-fail di Pejabat-Pejabat Tanah Daerah dan Pejabat Pentadbir Tanah dan Galian Negeri Sembilan terutama di Kuala Pilah dan Seremban. Mendapatkan kes-kes berkaitan di tempat yang sama.

3. Teknik Temubual

Teknik ini juga satu cara yang penting digunakan dalam menyiapkan kajian ini terutama menembual mereka-mereka yang arif tentang tajuk ini dan mendapatkan maklumat dari orang ramai.

5. SKOP PENULISAN

Kerjas Projek ini dibahagian kepada 4 bab iaitu:-

Bab 1. Sejarah dan Latar Belakang Adat Perpatih dan Undang-Undang Tanah di Negeri Sembilan.

Bab 2. Pentadbiran Tanah Adat Di Negeri Sembilan.

Bab 3. Urusniaga Dan Kedudukan Tanah Adat Dari Segi Pembangunan.

Bab 4. Masalah Berkaitan Tanah Adat Dan Cadangan.

6... MASALAH-MASALAH

Semasa penulis menjalankan kajian ini penulis telah mengenal pasti sedikit-sebanyak masalah yang berbangkit untuk menyiapkan kajian ini di antaranya:-

1. Kekurangan buku-buku rujukan yang berkisar dengan Tanah Adat.
2. Tiada data-data Tanah Adat berdasarkan Wilayah Adat.
3. Tiada rekod yang khas mengenai kedudukan pembangunan Tanah Adat.
4. Kesukaran untuk mendapatkan maklumat terperinci berkaitan dengan taburan kawasan Tanah Adat.

BAB I

SEJARAH DAN LATAR BELAKANG ADAT PERPATIH DAN UNDANG-UNDANG TANAH DI NEGERI SEMBILAN

1.1 PENDAHULUAN

Kehidupan masyarakat adat perpatih di Negeri Sembilan adalah berlainan dengan negeri-negeri lain di Malaysia kerana ia berteraskan sistem unilateral-matrilineal iaitu mengutamakan garis keturunan perempuan dan ia mengamalkan hidup bersuku. Lantaran daripada itu Undang-Undang Tanah di Negeri Sembilan memerlukan pentadbiran yang berasingan.

Pengenalan sistem baru tanah, selepas kedatangan British mendatangkan konflik kepada adat perpatih itu sendiri. Pertama, hakmilik tanah secara individu yang diperkenalkan itu adalah berlawanan dengan adat itu yang memegang konsep tanah adalah milik suku dan waris dan bukannya individu. Kedua, sistem pendaftaran hak milik seolah-oleh memberi kebebasan kepada pemegang tanah untuk melakukan pelupusan terhadap tanahnya tanpa memikirkan sekatan-sekatan dalam adat tersebut kerana sistem ini berkuatkuasa untuk mengatasi undang-undang adat itu sendiri.

Jadi untuk memelihara adat di kalangan masyarakat bersuku ini undang-undang khas telah diqubal dan diperkenalkan. Namun perundangan tersebut masih tidak mencapai matlamat adat itu sepenuhnya.

1.2 DEFINISI ADAT

Menurut M.B. Hooker dan E.B Taylor adat ialah satu tradisi yang dikongsi bersama oleh satu kumpulan dan diamalkan oleh individu sebagai kelakuan biasa. Definisi ini menyentuh aspek kelakuan yang lebih mendekati soal-soal etika atau moral, sesuatu yang dianggap elok atau sesuai dan dapat diterima oleh sesuatu masyarakat.

Bagi Hazairin, adat merupakan renapan (sediment) kesusilaan dalam masyarakat.¹

Adat juga dikatakan undang-undang. Undang-Undang yang diamalkan dan menjadi suatu kebiasaan dalam cara hidup sesebuah masyarakat seperti yang dinyatakan dalam perbilangan perpatih berbunyi:-

Adat bersendikan hukum,
Hukum bersendikan kitabullah
Kuat adat, tak gaduh hukum,
Kuat hukum, tak gaduh adat,

1. Hazairin, Hukum dan Kesusilaan, pidato perlantikan (Jakarta 1952), hal. 12.

Ibu Hukum Muafakat,
Ibu Adat Muafakat.²

Datuk Samad Idris berpendapat adat itu ialah satu sistem pentadbiran dan pemerintahan serta cara hidup berkeluarga, bermasyarakat dan beragama yang dikawal oleh peraturan-peraturan hidup sehari-hari atau jelasnya menurut istilah sekarang ialah undang-undang negara.³

Adat yang menjadi peraturan hidup ini sentiasa berubah dan diperbaharui mengikut keadaan waktu dan masa seperti dinyatakan dalam perbilangan di bawah:-

Sekali air bah, sekali pasir berubah,
Sekali raja mangkat, sekali adat beralih,
Sekali tahun beredar, sekali manusia
bertukar.

Adat itu tidak beku dan kaku. Menurut Haji - Abbas bin Haji Ali adat seperti juga undang-undang adalah seumpama kanun pemeliharaan dalam mewujudkan keperibadian tata, kesusilaan masyarakat bagi bangsa dan nusa seperti

2. M.B. Hooker, Readings In Malay Adat (Singapore: University Press, 1970), hal, 11.

3. Datuk Samad Idris, "Kemurniaan dalam Adat Perpatih" Kertas Kerja Seminar Persejarahan & Adat Perpatih, hal. 3.

lain-lain ianya tertakluk kepada undang-undang alam yang mengalami perubahan.⁴

Dapatlah disimpulkan di sini bahawa Adat itu meliputi segala bentuk kehidupan manusia dan ia tidak dapat dipisahkan dengan kehidupan manusia serta ia berkembang dan berubah mengikut kesesuaian keadaan sekitarnya.

1.2.1 Perbandingan Undang-Undang Adat Perpatih Dan Undang-Undang Adat Temenggung

Terdapat perbezaan yang nyata di antara Adat Perpatih dan Adat Temenggung dalam beberapa aspek.

Pertamanya dilihat dari segi cara pemerintahan. Adat Perpatih menjalankan pemerintahan secara demokrasi iaitu pemerintahan bermula dalam tangan mamak (saudara lelaki yang tertua dari ibu), kemudian ketua perut (buapak), seterusnya ketua suku (lembaga), kemudian ketua luak (undang) dan akhirnya ketua negeri (Yang Dipertuan Besar atau Yamtuan).⁵ Prinsip demokrasi ini dinyatakan dalam perbilangan:-

4. Hj. Abbas bin Hj. Ali 'Sebahagian Dari Dasar Adat' Kertas Kerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, hal. 1.

5. Dr. Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia 1975, m.s. 110.

Raja menobat di dalam Alam,
 Penghulu menobat di dalam Luak,
 Lembaga menobat di dalam lingkungannya,
 Ibu bapa menobat pada anak buahnya,
 Orang banyak menobat di dalam terataknya

Manakala dalam adat Temenggung, cara pemerintahannya bercorak aristokrasi iaitu Ketua Negeri merupakan raja berhak megambil keputusan terakhir.⁶

Keduanya dilihat dari segi garis keturunan. Menurut adat perpatih, ia mengutamakan garis keturunan secara unilateral-matrilineal iaitu keturunan disusur galurkan kepada pihak ibu. Sedangkan adat Temenggung mengutamakan garis keturunan secara unilateral patrilineal iaitu keturunan disusur galurkan kepada pihak bapa.⁷

Ketiga, dilihat dari aspek hukuman. Adat perpatih hukumannya didasarkan kepada pemuliharaan (restitution) manakala ini berlainan dengan adat Temenggung yang menjalankan hukuman berdasarkan pembalasan.⁸ Hukuman ini mempunyai persamaan dengan dasar Undang-Undang Jenayah

6. Ibid.

7. Ibid.

8. Ibid.

Islam seperti mana dalam Al-Qur'an surah Al-Maidah, ayat 45.⁹

Keempat, dilihat dari segi sistem kawarisan. Dalam adat perpatih, jelas sistemnya adalah sistem kewarisan yang kolektif di mana harta peninggalan atau harta pusaka tidak boleh dibahagi-bahagikan pemilikannya di antara para ahli waris. Maka harta adalah hak bersama keluarga dan suku. Seperti kata perbilangan:-

Sawah yang berjinjang,
Pinang yang berjijir,
Kelapa yang saka,
Lembaga yang punya.

Manakala sistem kewarisan adat Temenggung adalah sistem kewarisan yang individual di mana harta peninggalan dapat dibahagi-bahagikan pemilikannya di antara ahli waris. Ini mempunyai persamaan dengan sistem kewarisan Islam yang berasaskan kepada sistem kewarisan secara individu.

Dari segi pembahagian harta pula, mengikut adat perpatih harta pusaka yang diwarisi turun-temurun

9. Terjemahan: "Dan kami telah wajibkan atas mereka dalam (taurat) itu, bahawa jiwa (dibalas) dengan jiwa, mata dengan mata, hidung dengan hidung, telinga dengan telinga, gigi dengan gigi dan luka itu (ada) balasannya Surah Al-Maidah, ayat 45.

daripada nenek moyang mereka hendaklah diwarisi oleh kaum perempuan dan dibahagikan samarata kepada kaum perempuan manakala lelaki hanya mempunyai 'hak pakai' atau 'life occupancy' terhadap harta tersebut dan tidak hak pemilikan. Manakala ini berlainan dengan adat Temenggung di mana harta pusaka turun kepada waris lelaki dan perempuan serta harta sepencarian dibahagi dua jika berlakunya penceraian. Ini juga mempunyai persamaan dengan undang-undang Islam.

Dari segi ikatan kekeluargaan pula di kalangan masyarakat di Negeri Sembilan adalah lebih erat dan kuat berikutan dengan adanya kelompok-kelompok kekeluargaan seperti suku. Ini berlainan pada masyarakat di luar adat perpatih di mana mereka tidak mempunyai ikatan kekeluargaan yang begitu erat berikutan mereka tidak mempunyai konsep pengelompokan kekeluargaan luas seperti suku, wujud rasa keindividuan pada tahap keluarga yang luas.

Melihat kepada perubahan zaman, setelah orang-orang Melayu menghayati agama Islam, kedua-dua adat ini mula diubahsuaikan untuk disesuaikan supaya tidak bertentangan dengan Islam itu sendiri. Islam membolehkan adat diterima dan diikuti oleh penganut-penganutnya selagi ia tidak bercanggah dengan nas atau ijma' terdahulu. Ini bermakna mana-mana adat Perpatih dan Temenggung yang

dianggap baik bermanfaat dan tidak bertentangan boleh diterima dan masih menjadi amalan orang Melayu yang beragama Islam.

Seterusnya setelah kedatangan Barat terutamanya British, pelbagai perubahan politik dan ekonomi yang kritikal telah berlaku. British memperkenalkan misi pentadbiran baru seperti pegawai daerah yang menggantikan kuasa ketua adat yang berdasarkan kehidupan politik tradisi. Dengan itu secara tidak langsung telah melemahkan sistem dasar kedua-dua adat tersebut.

Generasi muda telah keluar dari persekitaran kampung adat dan mendapat pengalaman hidup baru, mereka yang berpelajaran telah melamar pekerjaan dan melalui pemerhatian mereka mula sedar tentang kelemahan dan kekurangan sistem hidup adat jika dibandingkan dengan hidup cara Barat dan mereka tidak lagi berminat penuh terhadap adat itu sendiri. Akibat daripada ini, pengetahuan generasi muda terhadap kedua-dua adat ini kurang dan mereka tidak berasa perlu untuk mengetahuinya dan ini menjadikan kedua-dua adat ini tidak lagi diamalkan oleh masyarakat moden dan hanya tinggal warisan yang perlu dihargai malah ianya boleh luput dan reput dimakan zaman.

Walau bagaimanapun adat itu sendiri mahukan perubahan dan bukanlah sesuatu yang statik. Agar ia sesuai dengan perubahan zaman perbilangannya mengatakan:-

Usang-usang diperbaharui,
Lapuk-lapuk dikajangi,
Yang elok dipakai,
Yang buruk dibuang,
Kalau singkat minta disambung,
Kalau panjang minta dikerat,
Kalau koyak minta ditampal.

Jadi dapatlah disimpulkan bahawa adat itu mesti dipakai kerana ia peraturan hidup tetapi mana-mana adat yang tidak sesuai lagi pada masa kini yang bertentangan dengan Islam dan tidak dikanunkan, hendaklah ditinggalkan kerana adat itu sendiri memerlukan perubahan.

1.3 KEDATANGAN ORANG MINANGKABAU KE NEGERI SEMBILAN

Menurut sejarah, beratus-ratus tahun dahulu ramai orang Minangkabau pergi merantau meninggalkan tanah air mereka hingga ke Semenanjung Tanah Melayu. Mereka didapati membuka negeri-negeri baru dan berkampung halaman di Naning dan N. Sembilan.

Peneroka-peneroka pertama ke mari yang datang pada amnya berasal dari Lubok 50 Kota, seperti Paya Kumbuh, Seri Lemak dan Mungkal dan dari Luhak Tanah Datar seperti

Tanah Datar.¹⁰ Mereka adalah penghuni-penghuni yang menganut adat yang diciptakan oleh Datuk Perpatih Nan Sebatang yang berasal dari Minangkabau.

Melihat kepada susunan masyarakat adat perpatih ini adalah berteraskan sistem unilateral-matrilineal iaitu mengutamakan garis keturunan perempuan iaitu sebelah ibu. Dengan itu timbullah suku yang merupakan satu kesatuan iaitu gabungan perut yang sama darah keturunan.

Masyarakat adat perpatih ini telah memperkembangkan dan mengubah adat perpatih yang asli mengikut kesesuaian tempat dan sekitarnya dalam menguruskan pelbagai perkara termasuk peraturan-peraturan yang berkaitan dengan tanah.

Pada peringkat awalnya, mereka yang telah menetap di N. Sembilan ini belum ada peraturan-peraturan yang sempurna mengenai pemilikan tanah. Berdasarkan adat Melayu Lama, adalah tersangat senang untuk memiliki tanah. Dengan mengakui mana-mana kawasan daripada hutan menjadi miliknya maka orang lain akan mengakui bahawa tanah itu adalah milik si pembuka tadi setelah ia menebang, menebas dan menetap di atas tanah tersebut.

10. Dr. Abdullah Siddik, Op.cit, hal. 112.

Walaupun kuasa mutlak di atas tanah terserah kepada Raja atau pemerintah tetapi hak memiliki bagi penduduknya adalah tetap selama ia sanggup membayar sedikit bahagian daripada hasil padinya kepada Raja.¹¹

Sekiranya berlakunya kematian, penceraian, Dato' Dato' Lembaga memainkan peranan yang sangat penting dalam mengatur anak-anak buahnya dalam pemilikan tanah, perwarisan seterusnya pembahagian harta.

1.4 PERANAN DATO' LEMBAGA DALAM USAHA MENCAIAP KEBAJIKAN KOLEKTIF BERKAITAN DENGAN HARGA

Dato' Lembaga merupakan ketua kepada suku dan ia bertindak sebagai wakil kepada suku dan dilantik oleh ahli-ahli sukunya iaitu buapak dan waris. Lembaga bertanggungjawab terhadap segala hal yang berlaku dalam suku tersebut.

Di sini perhatian khas diberikan kepada fungsi pentadbiran, beliau untuk memberi bukti dan sokongan terhadap kandungan-kandungan peraturan di dalam suku terhadap apa-apa aturcara mengenai penukaran dan penerimaan adat khasnya tentang tanah. Pendek kata, Lembaga sebagai pemegang kuasa atas tanah pusaka benar.

11. W.E. Maxwell, The law and customs of the Malays with reference to the tenure of Land dalam JSBRAS Jilid 13 Tahun 1884, m.s. 80.

Ia memainkan peranan untuk mengatur anak-anak buahnya dalam menentukan siapa yang mengusahakan dan memiliki tanah dan menentukan perwarisan dan pembahagian sekiranya berlakunya kematian.

Dalam masyarakat adat perpatih, selepas berlangsungnya adat istiadat perkahwinan maka berkumpullah anak buah, buapak dan Dato' Lembaga kepada pihak suku si suami dan si isteri untuk membincangkan dan tentukan mana-mana harta yang dipunyai oleh suami dan isteri dan sekiranya berlaku penceraian atau kematian samada suami atau isteri maka mereka berkumpul sekali lagi untuk tentukan dan menyemak semula harta-harta seperti harta pembawaan, harta dapatan dan harta sepencarian yang diperolehi samada dalam ikatan perkahwinan tersebut dan kemudian harta tersebut akan dibahagi-bahagikan.

Dalam usaha mencapai kebajikan kolektif suku ini, tidak ada seorangpun dibenarkan menjual atau mengadaikan tanah pusaka benar kecuali atas empat alasan seperti dinyatakan dalam perbilangan:-

Adat pusaka tak berdiri,
Rumah godang ketirisan,
Gadis godang tak berlaki,
Mayat terbujur di tengah rumah:

Manakala menurut E.N. Taylor,

'All ancestral property belongs to the tribe, it vests in the female members but they hold it as trustees for their tribe rather than as owners'.¹²

Di sini jelas menunjukkan dalam adat perpatih yang asal Dato' Lembaga memainkan peranan yang sangat penting dalam menjaga kebajikan kolektif suku. Di samping itu ia berperanan melantik penghulu atau undang.

Pada masa kini Dato' Lembaga bersama-sama dengan pentadbir tanah berperanan untuk menyelesaikan segala pertikaian berkenaan perwarisan, urusan mengenai tanah adat. Satu perbincangan akan diadakan yang dihadiri oleh pentadbir tanah, Dato' Lembaga dan waris-waris yang berhak. Dato' Lembaga diberi elaun oleh pihak berkuasa negeri dalam menjalankan tugasnya itu.¹³ Segala hal berkaitan dengan tanah adat akan dirujuk kepada Dato' Lembaga terlebih dahulu. Tanpa kehadirannya perbincangan tidak boleh diteruskan.¹⁴

12. En. Taylor "Customary Law of Rembau" JMBRAS Vol, VII (1929), hal. 31.

13. Sila lihat Lampiran B.

14. Temubual bersama En. Sulaiman Kadimi, Pegawai Penyelesai Pusaka, Pejabat Tanah dan Galian, Seremban pada 8 Disember 1994.

Tugasnya termaktub di dalam enakman pemegangan adat. Walaubagaimanapun terdapat cabaran kepada Dato' Lembaga ini iaitu sekiranya ada perselisihan faham antara Dato' Lembaga dengan pentadbir tanah, keputusan pentadbir tanah akan mengatasi keputusan Dato' Lembaga. Ini bermakna pentadbir tanah lebih berkuasa daripada Dato' Lembaga. Terdapat juga institusi lain yang berperanan menyelesaikan perkara berkaitan dengan adat iaitu ketua kampung. Di sini sedikit sebanyak telah mengguqat kedudukan Dato' Lembaga itu sendiri sebagai ketua adat dalam sesebuah suku.¹⁵

Apa yang dimaksudkan suku di sini ialah perut-perut yang sama nenek moyangnya digabungkan kepada satu masyarakat yang lebih besar. Ia merupakan unit asas masyarakat perpatih.

Suku menurut istilah asalnya di Minangkabau ialah 'sèperempat' iaitu suku koto, suku piliong, suku Budi dan Suku Caniago tetapi dalam istilah di Negeri Sembilan suku beerti suku golongan manusia yang berasal dari satu keturunan yang disusur galurkan menurut ibu.

Menurut Adat Perpatih di Semenanjung Tanah Melayu penganutnya berasal dari 12 suku asal iaitu:-

- 1) Biduanda (waris)
- 2) Batu Hampar
- 3) Seri Melanggang
- 4) Tanah Datar
- 5) Mungkal
- 6) Seri Lemak
- 7) Tiga Batu
- 8) Tiga Nenek
- 9) Payo Kumbuh
- 10) Anak Melaka
- 11) Anak Aceh
- 12) Batu Belang

Suku kemudian membentuk luak iaitu kesatuan wilayah yang terdiri daripada beberapa kampung dan pelbagai suku. Kemudian Luak bergabung untuk membentuk negeri.

1.5 HARTA DALAM ADAT PERPATIH

Harta dalam adat perpatih termasuklah tanah dan ia dikategorikan seperti di bawah:-

- 1) Harta pembawaan iaitu harta yang dipunyai oleh pihak lelaki diperolehi dari tiga sumber:-¹⁶

16. Sulaيمان bin Kadimi, Kertas Kerja Pentadbiran Tanah Adat di N. Sembilan, m.s. 4.

- i. harta carian bujang iaitu harta yang dicari sendiri oleh lelaki semasa ia masih bujang.
 - ii. harta yang diperolehi melalui pemberian satu hadiah daripada kedua ibu bapanya.
 - iii. harta yang diperolehi daripada bahagian harta sepencarian melalui perkahwinan dan isteri yang dahulu atau harta carian duda.
- 2) Harta dapatan iaitu harta yang dipunyai oleh pihak perempuan dan ia diperolehi dari tiga sumber:-¹⁷

- i. harta yang diperolehi melalui pemberian atau warisan daripada kedua ibu bapanya, neneknya atau dari mana-mana orang di mana si perempuan tadi layak mendapat harta warisan.
- ii. harta yang diperolehi daripada bahagian harta sepencarian melalui perkahwinan dari suami yang dahulu atau harta carian janda.
- iii. harta yang diperolehi melalui carian sendiri semasa si perempuan masih anak dara atau harta carian anak dara. Tetapi harta sedemikian sangat jarang kedapatan kerana

dalam masyarakat Melayu Lama orang perempuan jarang keluar rumah dan meneroka tanah sendiri.

- 3) Harta sepencarian atau carian laki bini, iaitu harta yang diperolehi semasa kedua pasangan suami isteri masih dalam ikatan perkahwinan.¹⁸
- 4) Harta pusaka iaitu apa-apa jenis harta samada harta alih dan tak alih yang ditinggalkan oleh simati dari ianya belum dituntut oleh waris-warisnya.

Dalam masyarakat adat perpatih, selepas berlangsungnya adat istiadat perkahwinan maka berkumpullah anak buah, Buapak dan Dato' Lembaga kedua belah pihak suku si suami dan si isteri untuk membincang dan menentukan mana-mana harta yang dikenali sebagai harta pembawaan dan harta dapatan.

Apabila berlaku penceraian atau kematian, mereka berkumpul sekali lagi untuk menentukan dan menyemak semula harta pembawaan, harta dapatan dan harta sepencarian yang diperolehi semasa dalam perkahwinan tersebut:

18. Ibid.

1.5.1 Cara Pembahagian Harta

Mengenai harta pembawaan, ia akan dibawa kembali oleh pihak suami sekiranya berlaku penceraian dan apabila suami meninggal dunia, maka harta pembawaan ini akan diwarisi oleh waris-waris adat si suami itu.

Manakala harta dapatan, ia akan ditinggalkan kepada isteri tersebut sekiranya berlaku penceraian dan apabila isteri meninggal ia akan diwarisi oleh waris adat si isteri itu.

Di sini jelaslah, seorang suami tidak akan mewarisi harta dapatan kepunyaan isterinya dan isteri tidak mewarisi harta pembawaan kepunyaan suaminya.

Mengenai harta sepencarian, sekiranya berlaku penceraian contohnya sepasang suami isteri bersama-sama meneroka dan membuka tanah sawah, harta itu akan dibahagi dua. Bahagian si suami dikenali sebagai harta carian duda dan menjadi harta pembawaan suami, bahagian isteri dikenali sebagai harta carian janda dan menjadi harta dapatan isteri.

Sekiranya suami meninggal dunia maka waris-waris adat kepada suami berhak menuntut harta sepencarian bahagian si suami dan sekiranya isteri meninggal dunia

maka waris-warisan adat kepada isteri pula berhak menuntut harta sepencarian isteri itu.

Manakala harta pusaka adalah merujuk kepada tanah-tanah kampung dan tanah-tanah bendang yang telah diwarisi turun-temurun mengikut keturunan sebelah perempuan. Harta ini diberi hanya kepada pihak perempuan setelah si ibu meninggal dunia.

1.6 KEDATANGAN BRITISH KE NEGERI SEMBILAN

Perang Bukit Putus pada tahun 1874, di antara Undang Luak Sungai Ujong yang dibantu oleh tentera British dengan Yam Tuan Antah membawa kepada kedatangan British ke Negeri Sembilan iaitu daerah Kuala Pilah. Kekalahan telah berpihak kepada baginda dan atas alasan itulah, Gabenor Negeri-Negeri Selat, mengarahkan baginda menerima seorang pegawai British sebagai pentadbir. Ini juga menjadikan kedaulatan baginda diiktiraf adalah terhadap iaitu setakat Wilayah Luak Tanah Mengandung dan Luak Johol yang dikenali sebagai daerah Kuala Pilah dan daerah Jempol pada masa ini.

Perjanjian yang ditandatangani pada 4 Jun, 1887 telah meletakkan Kuala Pilah di bawah pentadbiran British

dan memberi kuasa untuk mentadbir dan hak untuk membuat peraturan, mengawal dan memungut hasil.¹⁹

Tuan Martin Lister yang menyandang Jawatan sebagai Pegawai Daerah, Pemungut Hasil Tanah dan Majistret merupakan orang yang mula-mula dihantar ke Kuala Pilah. Tugas pertama beliau dalam pentadbiran tanah ialah mendaftarkan hakmilik tanah supaya dapat dikenal pasti empunya tanah-tanah kampung dan sawah pada masa itu dan untuk memastikan orang yang bertanggungjawab dalam pembayaran cukai ke atas tanah tersebut.

1.7 PENGENALAN PERUNDANGAN PEMEGANGAN ADAT DAN PERKEMBANGANNYA

Pada awalnya, Sungai Ujong Land Regulation 1887 telah digunakan kerana masih tidak kedapatan undang-undang dan peraturan tanah yang khas. Sistem tersebut adalah berdasarkan kepada Sistem Torrens yang diperkenalkan di Negeri-Negeri Selat oleh Maxwell.

Berpandukan kepada peraturan ini tanah-tanah kampung dan sawah yang dimiliki oleh orang Melayu dimasukkan dalam Tanah Kelas Dua iaitu tanah yang

19. W.G. Maxwell & W.S. Gibson: Treaties and Engagements Affecting the Malay Grant Status and Borneo, London, Truscott & Sons Ltd., 1924, m.s. 60-64.

didudukki oleh Bumiputera dan didaftarkan sebagai 'Malay Grant' dan mestilah didaftarkan di Pejabat Tanah Daerah.²⁰

Berdasarkan kepada maklumat yang disampaikan oleh Dato' Dato' Lembaga pada masa itu bahawa tanah-tanah pusaka ini adalah milik perempuan maka semua tanah-tanah Geran Melayu telah didaftarkan atas nama perempuan.²¹

Dalam Geran Melayu dinyatakan juga nama suku dan Dato' Dato' Lembaga kepada pemilik tanah itu serta jumlah cukai yang harus dibayar.

Geran-geran Melayu ini kesemuanya terdiri dari tanah kampung dan sawah.²² Terdapat kelemahan dalam Geran Melayu ini iaitu tidak terdapat pelan dan sempadan yang betul dan tepat serta keluasannya tidak dinyatakan.

Kemudiannya General Land Regulation 1889 diperkenalkan dan undang-undang ini ada mengekalkan sistem perwarisan mengikut adat di dalamnya. Dalam tahun 1897, Majlis Negeri telah meluluskan suatu undang-undang

20. Sulaiman bin Kadimi op.cit., m.s. 8.

21. Ibid., m.s. 9.

22. Ibid.

yang berhubung dengan perwarisan tanah iaitu 'Succession Land Enactment 1897'.²³

Walau bagaimanapun Undang Tanah 1897 ini tidak dapat memenuhi kehendak pentadbiran tanah mengikut sistem perwarisan adat kerana tiada peruntukan tertentu yang menunjukkan bahawa ketua adat berperanan dalam pentadbiran tanah pusaka.²⁴

Peranan Lembaga seperti yang terkandung dalam peraturan 22 General Land Regulation 1889 telah dimansuhkan.²⁵

Bagi mengatasi kelemahan ini, dalam tahun 1909, 'Customery Tenure Enactment' telah digubal. Ini memberi kuasa kepada Pemungut Hasil Tanah menuliskan 'customery Land' ke atas geran dan Rekod Pendaftaran bagi tanah

23. G.E.M. Desbrough, Enactments of Negeri Sembilan, 1897 (Kuala Lumpur: Selangor Government Printing Office, 1899).

